

Sinar SIASAT

BONGKAR 1001 ISU

LAPORAN: ANITA ABU HASAN dan RAIHAM SANUSI FOTO: ZAHID IZZANI

Saintis beri amaran kesan buruk projek mega

*Air laut keruh,
berselut ganggu
habitat marin laut*

KUALA LUMPUR

Beberapa saintis memberi amaran projek mega tambakan laut di selatan Pulau Pinang (PSR) akan menjejaskan habitat ikan pesisir pantai kerana kekeruhan air laut akan menyebabkan haiwan sumber protein itu mencari habitat baharu untuk membiak dan mencari makanan.

Saintis Marin Pusat Sains Bumi dan Alam Sekitar Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Che Abd Rahim Mohamed berkata, sumber yang diambil dari daratan, misalnya, pasir yang mengandungi kandungan kimia akan merosakkan kualiti air laut

akibat kehadiran selut.

"Selut akan jadi bahan terampai dalam air dan berkeladak lalu menyebabkan kekeruhan air laut. Akibatnya, ia mengganggu pernafasan ikan.

"Aktiviti menambak juga mengganggu sifat semula jadi air dan ombak laut ditambah pula berlakunya kekeruhan air menyebabkan ikan lari meninggalkan habitat asal dan tempatnya membiak terutama di kawasan paya bakau.

"Kita akan melihat kesan ini paling kurang dalam tempoh lima tahun selepas projek tambakan siap," kata saintis marin yang berpengalaman selama 22 tahun itu.

Sementara itu Pakar Kualiti Air Fakulti Pengajian Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Yusoff Ishak juga berpandangan sama baha-



Laporan Sinar Harian semalam.

wa air laut akan menjadi keruh akibat kehadiran selut yang terhasil berikutan kewujudan bahan terampai dalam air seperti tanah dan sebagainya ketika kerja-kerja tambakan dilakukan.

"Pencemaran akibat aktiviti tambak laut akan menyebabkan kekeruhan air laut berikutan kehadiran selut dan lumpur halus lalu mengganggu penglihatan dan mengganggu insang pernafasan ikan menyebabkannya lari ke tempat lain," katanya.

Menurut Mohd Yusoff, se-

lain kekeruhan air laut, aktiviti menambak yang melibatkan pergerakan mesin dan kapal pengangkut termasuk bunyi bising jentera turut mengganggu ikan.

"Gangguan di dasar atau sedimen bawah laut juga boleh mengganggu organisma yang menjadi makanan ikan.

"Biasanya jika makanan ikan terganggu, haiwan sumber protein itu akan beredar ke tempat lain yang ada makanan.

"Maka ikan di tempat yang menjadi kawasan tumpuan nelayan pesisir pantai selama ini akan lari meninggalkan habitat asal seterusnya membiak di tempat baharu.

"Jadi secara logiknya tiada lagi ikan mahu membiak di situ menyebabkan nelayan terpaksa pergi lebih jauh untuk menangkap ikan," katanya.

Katanya, Tanjung Tokong

Pukat milik nelayan dipenuhi lumpur dan selut
sewaktu menangkap ikan di perairan Jelutong.



CHE ABD RAHIM



MOHD YUSOFF

dan Tanjung Bungah adalah antara contoh kawasan perikanan yang terganggu akibat kehadiran selut selepas projek tambakan pertama.

Katanya, struktur tambakan itu sendiri menyebabkan ikan beredar mencari habitat lain secara semula jadi.

"Kita melihat penambakan seluas 1,822 hektar itu akan menyebabkan ekosistem laut terganggu hingga akhirnya menjejaskan aktiviti menangkap ikan oleh nelayan pantai terutama di Teluk Kumbar," katanya.

BAHAGIAN 3